



BAB 4

BAB 4

JHEAT DAN TATACARAMENANGANIAJARAN SALAH

KEBERKESANAN DAN PENILAIAN

4.1 PENGENALAN

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab khususnya yang berhubung kait dengan pengurusan dan pentadbiran keagamaan. Ditubuhkan pada tahun 1912, diterajui oleh seorang Sheikhul Islam yang bertindak selaku Ketua Jabatan. Semenjak tarikh itu hingga sekarang jabatan ini telah berkembang mengikuti arus perkembangan negeri dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang pentadbiran dan tanggungjawab sosial.

Pada hari ini, sejajar dengan peredaran masa, jabatan ini telah berkembang menjadi sebuah jabatan yang besar dengan objektif-objektif yang menjurus kepada peruntukan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Keluarga Islam 1985. Untuk merealisasikan pencapaian objektifnya, beberapa bahagian telah dibentuk bagi menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu.¹

¹ Temu bual bersama Ustaz Padzal Hj. Mokhtar pada 3hb. Jun 2002.

4.1.1 Misi

Misi bagi Jabatan ini ialah merealisasikan wawasan kerajaan dalam membangunkan Hal Ehwal Islam yang merangkumi kedaulatan Islam, penganut dan ajaran-ajarannya.²

4.1.2 Visi

Setiap individu, masyarakat dan institusi di Negeri Terengganu Darul Iman menghayati nilai dan budaya Islam sepenuhnya.³

4.1.3 Fungsi

Melaksanakan perkara-perkara yang diintukkan oleh Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam tahun 1986 dan Enakmen Pentadbiran Keluarga Islam 1985.⁴

² *Ibid.*

³ *Ibid.*

⁴ *Ibid.*

4.1.4 Objektif

1. Melahirkan masyarakat yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna serta mengikut dan menghayati ajaran Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah.
2. Mengawal atau membasmi kemungkaran, murtad, bid'ah, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjelaskan kesucian Islam.⁵

4.1.5 Etika Kerja

1. Bekerja dengan prinsip beribadat kepada Allah.
2. Berdasarkan maklumat dan matlamat yang jelas.
3. Dengan penuh tanggungjawab, amanah dan ikhlas.
4. Bersih, tekun, sabar dan cekap.
5. Mengamalkan konsep syura dan tolong menolong.⁶

⁵ *Ibid.*

⁶ Temu bual bersama Puan Sharifah bt. Sibi, Pembantu Tadbir Bahagian Penyelidikan JHEAT, pada 3hb. Jun 2003.

4.1.6 Bahagian Penyelidikan JHEAT

Melalui penyusunan semula JHEAT atas nasihat Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU) pada tahun 1985, JHEAT telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti Pentadbiran Am dan Kewangan, Dakwah, Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam, Pendidikan, Penguatkuasaan dan Pendakwaan, Zakat dan Penyelidikan.

4.1.6.1 Objektif Bahagian Penyelidikan

Sebagai satu cabang daripada JHEAT yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap dasar-dasar penguasaan keagamaan, unit ini mempunyai objektifnya yang tersendiri seperti yang digarapkan di bawah :

*“Untuk mengenalpasti permasalahan masyarakat Islam dalam bidang akidah, syariat dan akhlak serta mencadangkan langkah-langkah penyelesaiannya”.*⁷

⁷ Kertas Taklimat Bahagian Penyelidikan, tahun 2002, JHEAT, hal. 2.

4.1.6.2 Bidang Tugas Bahagian Penyelidikan


Tugas utama Bahagian Penyelidikan JHEAT ialah menjalankan penyelidikan mengenai isu-isu keagamaan dan sosial yang membabitkan persoalan Akidah, Syariat dan Akhlak Islamiah. Disamping tugas utama terdapat bidang tugas lain yang dipertanggungjawabkan di bawah Bahagian Penyelidikan. Antaranya ialah:

1. Urusetia Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu.
2. Mengendalikan Perpustakaan Jabatan; tumpuan kepada mewujudkan koleksi khas jabatan yang lengkap.
3. Menyediakan Taqwim Hijri dan waktu solat.
4. Menyediakan jadual berbuka puasa dan imsak.
5. Urusetia Cerapan Hilal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah.
6. Memproses permohonan Sijil dan Logo Halal.
7. Menapis tulisan yang bermasalah dari segi Akidah dan Ilmu Islam.
8. Menerima aduan dan menyelidik ajaran yang meragukan.
9. Membantu penyelidik luar yang memerlukan kerjasama jabatan / bahagian penyelidikan.
10. Menyelaras aktiviti Sistem Informasi Islam (SISMI)
11. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pesuruhjaya dari masa ke semasa.⁸

⁸ *Ibid.*, hal. 4.

4.1.7 Carta Organisasi

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PENYELIDIKAN JABATAN HAL EHWAL ISLAM TERENGGANU (JHEAT) TAHUN 2002



Rajah : Carta Organisasi Bahagian Penyelidikan, JHEAT tahun 2002 ⁹

⁹ Sumber diperolehi daripada Kertas Taklimat, Bahagian Penyelidikan JHEAT, 2002.

4.2 LANGKAH-LANGKAH MEMBANTERAS AJARAN SALAH

Bahagian Penyelidikan, JHEAT diberi kuasa sepenuhya dalam usaha membanteras ajaran-ajaran salah yang terdapat di Negeri Terengganu. Walau bagaimanapun dalam usaha-usaha pembanterasan ini, Bahagian Penyelidikan turut dibantu oleh Bahagian Dakwah serta Polis Negeri, Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) serta akhbar-akhbar tempatan bagi melicinkan gerakan membanteras itu. Pelbagai usaha serta langkah-langkah sewajarnya telah dan sedang dilaksanakan yang mana turut melibatkan pihak luar iaitu orang ramai serta sumber-sumber yang boleh dijadikan bukti. Usaha-usaha tersebut ialah:¹⁰

1. Melalui orang ramai atau saksi yang mengetahui tentang ajaran yang berlaku. Saksi yang terlibat terdiri daripada penduduk sekitar kawasan yang dijadikan markas oleh pengamal ajaran salah itu dan pegawai daripada JHEAT yang menyiasat ajaran tersebut. Bilangan saksi tidak terhad dan saksi juga mestilah berada di pihak yang benar dan boleh dikemukakan kepada mahkamah.
2. Maklumat juga diperolehi daripada dokumen-dokumen rasmi kumpulan ajaran tersebut seperti buku-buku yang ditulis, diguna, diajar dan dibaca oleh guru mereka. Penggunaan peralatan seperti kaset, perakam video dan kamera juga membantu bagi mendapatkan maklumat. Selain itu barang-barang kes yang digunakan dalam ajarannya seperti lilin, bendera, keris dan lain-lain dapat dijadikan sebagai bahan bukti disamping maklumat tadi.

¹⁰ Temu bual bersama Ustaz Padzal Hj. Mohktar pada 3 Jun 2002 di JHEAT.

3. Siasatan juga dilakukan di tempat pengajaran mereka. Pihak JHEAT meneliti dan mencari maklumat dengan membuat kajian dan penyelidikan tentang mengapa kegiatan ajaran salah ini menjalankan aktiviti mereka jauh terpencil dari masyarakat luar.
4. Imam-imam setempat juga dilantik sebagai agen pengintip kepada JHEAT untuk memberi laporan berkaitan dengan kegiatan serta mengawasi ahli-ahli mukim daripada terlibat dengan perkara-perkara yang ditegah oleh agama Islam.¹¹
5. Selain daripada itu, pihak JHEAT juga melihat cara kehidupan mereka yang terlibat dalam ajaran salah dari sudut kekeluargaan dan kemasyarakatan. Di samping itu, pendidikan juga diambil kira, di mana guru atau pemimpin kumpulan itu perlulah dipastikan sejauh mana mereka mempunyai ilmu pengetahuan di dalam bidang keagamaan atau adakah mereka sekadar berpura-pura.
6. Setelah siasatan lengkap dibuat, Jawatankuasa Fatwa akan bersidang bagi *menentukan kesahihan* sesuatu ajaran itu dan kemudiannya akan mengeluarkan fatwa mengenainya. Ajaran berkenaan akan dibentangkan di Mahkamah Syariah mengikut seksyen yang berkaitan. Jika pemimpinnya mengaku bersalah, mereka akan dikenakan hukuman tetapi sekiranya mengaku tidak bersalah, mereka akan dibicarakan dengan memanggil saksi-saksi untuk memberi keterangan.¹²

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*

Apabila keterangan saksi jelas dan terdapat barang bukti yang lengkap, mahkamah berpuas hati dengan keterangan tersebut dan tidak timbul sebarang keraguan, maka Mahkamah Syariah akan menjatuhkan hukuman seperti penjara, denda atau kedua-duanya sekali ke atas pengamal ajaran salah tersebut.

4.2.1 Strategi JHEAT Menyelesaikan Masalah

Rajah di bawah menunjukkan bentuk strategi JHEAT dalam menyelesaikan masalah.¹³



¹³ Sumber diperolehi daripada Kertas Taklimat, Bahagian Penyelidikan JHEAT 2002

4.2.2 Tindakan Khas JHEAT Dalam Menangani Kes Ayah Pin

Pendakwaan keatas Ayah Pin hanya dibuat selepas seorang budak perempuan membuat lapuran polis di mana seorang guru ajaran salah mencabul kehormatannya. Setelah disiasat oleh pihak berkuasa budak perempuan ini merupakan anak kepada pengikut ajaran Ayah Pin (Sila lihat keratan akhbar di Lampiran D)¹⁴. Setelah itu beberapa tindakan susulan telah dibuat. Di antaranya ialah :

1. Beberapa tindakan susulan telah diambil oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu terhadap ajaran ini, terutama dalam usaha untuk membawa penggeraknya ke Mahkamah. Walau bagaimanapun dakwaan tidak dapat dilakukan kerana kesukaran untuk mendapatkan bukti dan saksi serta barang kes. Ini adalah kerana Ariffin tidak mengajar secara terang-terangan. Beliau hanya dikesan melalui pengikut beliau sahaja.¹⁵
2. Jawatankuasa Ulama Negeri Terengganu telah mengeluarkan fatwa pada 4hb. Disember 1997¹⁶ (lihat Lampiran E).

¹⁴ Temu bual bersama Ustaz Abd. Ghani bin Ab. Rahman, Pembantu Hal Ehwal Islam, Bahagian Penguatkuasa JHEAT, Daerah Besut. Temubual ini telah diadakan di pejabat JHEAT pada 4hb. Ogos 2002.

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*

3. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah mengeluarkan satu Surat Perintah daripada Mahkamah bagi tujuan menangkap Ayah Pin berdasarkan laporan akhbar di atas. Walau bagaimanapun beliau enggan memberi kerjasama. Dan sekali lagi JHEAT mengeluarkan satu surat saman atas alasan ingkar perintah Mahkamah. Namun sebelum tindakan diambil, Ariffin diisyiharkan keluar dari Islam oleh peguamnya. Surat pengakuan keluar dari Islam telah dikeluarkan oleh Balai Polis Pasir Akar, Jerteh.¹⁶

Apabila telah jelas dengan pengisytharan yang dibuat oleh peguam beliau, pihak JHEAT telah mendakwa kes di atas berdasarkan Enakmen Undang-Undang Terengganu 1986 bil. 12 di bawah Seksyen 208 iaitu ‘Keluar dari Agama’ (Murtad) dan juga dakwaan turut dibuat di bawah Seksyen 209 iaitu ‘Tindakan Menghina Agama’. Walau bagaimanapun Ariffin masih lagi mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan di atas kedua-dua pertuduhan tersebut. Beliau bagaimanapun dibebaskan kerana beliau secara terang-terang telah membuat pengakuan di Mahkamah bahawa beliau sebenarnya telah keluar dari agama Islam.¹⁷

4. Pihak JHEAT masih tidak berpuas hati di atas pembebasan Ayah Pin dan mahu meneruskan pendakwaan terhadap beliau. Melalui beberapa bukti pengakuan pengikut yang telah insaf dan terkejut dengan pengakuan murtad ‘Tok Guru’, maka JHEAT telah bertindak dengan menjadikannya sebagai bukti yang kukuh untuk

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

tujuan pendakwaan. Perbicaraan kali kedua, Ariffin hanya mahu dibicarakan di bawah Seksyen 209 sahaja dan barulah beliau mengaku bersalah di atas 15 pertuduhan itu. Beliau telah didenda sebanyak RM 2900 dan dipenjara selama 11 bulan.¹⁸

5. Tindakan terakhir bagi menghapuskan kegiatan mereka ialah pada 17hb. Jun 1999 jam 10.30 malam, satu rombongan yang terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa JHEAT bersama 10 orang anggota polis telah membuat pemeriksaan khas di perkampungan mereka untuk melihat dan memastikan kelas pengajaran serta membuat pemeriksaan terhadap pengikut-pengikutnya, namun pihak berkuasa mendapati tiada kelas pengajian yang dijalankan.¹⁹
6. Setelah Ayah Pin dipenjarakan, pihak JHEAT telah membuat satu program iaitu Majlis Syahadah Beramai-ramai bertempat di Kem Sri Keluang, Besut. Program itu telah diadakan pada 4hb. Okt 2001. Seramai 50 orang pengikut yang ditahan telah hadir ke majlis tersebut.

Semasa di dalam majlis syahadah ini mereka membuat pengakuan bahawa agak sukar untuk mereka menerima semula ajaran Islam kerana ajaran Ayah Pin telah sebat dengan jiwa mereka.²⁰

¹⁸ *Ibid.* Lihat juga keratan laporan akhbar pada ruangan lampiran di Lampiran G.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

4.2.3 Kesan Dari Tindakan JHEAT Dalam Menangani Ajaran Ayah Pin

Menurut Ustaz Abd. Ghani,²¹ segala usaha dan langkah-langkah yang telah dilakukan dalam usaha untuk membanteras ajaran ini dari terus berkembang telah menampakkan hasil yang positif. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketegasan dalam melaksanakan sesuatu program yang dijalankan oleh pihak JHEAT terhadap pengikut serta Ayah Pin sendiri. Perubahan yang positif ini dapat dilihat dari beberapa segi iaitu:

Pertama: *Perubahan positif dalam usaha pemurnian pemulihan akidah*

Program yang dirancang oleh JHEAT serta JAKIM ini telah diadakan di perkampungan itu sendiri bagi kemudahan pengikut untuk mengikuti pengajian yang khusus kepada mereka. Apa yang menggembirakan pihak berkuasa ialah ‘orang kanan’²² Ayah Pin sendiri telah meluahkan rasa insaf dan kesal terhadap perbuatan mereka yang lalu semasa mengikuti program ini. Bertitik tolak dari itulah maka setiap kali program itu dijalankan bertambahlah bilangan pengikut yang hadir bagi tujuan tersebut. Program ini pada mulanya diadakan dua kali seminggu telah dijadikan kepada tiga kali seminggu pula bagi memenuhi permintaan penduduk setempat. Malah ada juga orang luar yang turut sama hadir untuk mengikuti kuliah ini.²³

²¹ Temu bual bersama Ustaz Abd. Ghani, JHEAT Daerah Besut pada 15 Mac 2003.

²² Hasan Yaakob. Antara salah seorang pengikut setia yang ditemubual oleh penulis. Temubual diadakan di rumah beliau di perkampungan mereka pada 15 Mac 2003.

²³ *Ibid.*

Kedua: *Perubahan Dalam Hubungan Kemasyarakatan*

Pengikut-pengikut telah menunjukkan sikap keterbukaan mereka terhadap sosial masyarakat setempat. Mereka telah mula menjalinkan hubungan yang erat dengan masyarakat luar perkampungan dengan menghadiri majlis-majlis keramaian seperti kenduri kahwin, menziarahi orang sakit dan amat memerlukan penduduk berhampiran kerana sebelum ini masyarakat Ayah Pin adalah satu kumpulan yang menyembunyikan diri daripada masyarakat luar dan sekitarnya malah jika ada apa-apa majlis mereka hanya membawa diri saja²⁴ (buat-buat tidak tahu).

Ketiga: *Perubahan Sosio Ekonomi*

Pengikut-pengikut Ayah Pin ini telah mula keluar untuk menjalankan kegiatan ekonomi bagi menampung rezeki mereka sekeluarga. Mereka telah keluar untuk bermiaga serta bekerja sebagai petani, penoreh getah bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Perubahan kegiatan ini amat ketara sekali kerana sebelum ini mereka mempunyai satu akaun bersama iaitu harta kekayaan adalah milik bersama. Pengikut-pengikut yang sedia berharta hendaklah menginfakkan harta mereka kepada tok guru serta ahli-ahli yang lain. Tetapi apabila telah berlaku perubahan ini mereka telah mula sedar bahawa apa yang mereka amalkan selama ini hanya menguntungkan ketuanya sahaja sedangkan harta mereka semakin lama semakin habis digunakan.²⁵

²⁴ Temu bual bersama En. Mohd Amin Abdullah, Penduduk Kampung Batu 13, Tenang pada 15 Mac 2003.

²⁵ Temu bual bersama En. Anuar Abd. Rahman, Pegawai JHEAT Daerah Besut pada 15 Mac 2003.

Keempat: *Perubahan Sikap Ayah Pin*

Ayah Pin juga telah menunjukkan sikap positif dengan memberikan kerjasama yang amat menggalakkan kepada JHEAT dalam usaha untuk menyekat pengaruhnya dari terus berkembang. Setiap permintaan yang dikemukakan oleh JHEAT akan dituruti dengan baik. Beliau sendiri telah membuka minda dengan bergaul dengan semua bekas pengikut serta masyarakat setempat. Menurut Ustaz Abdul Ghani lagi, pihak JHEAT telah membuat satu ‘aku janji’ antara Ayah Pin dengan pihak berwajib dimana jika sekiranya Ayah Pin akan cuba menghidupkan semula ajaran beliau, maka dengan tidak teragak-agak pihak JHEAT akan terus membuat tangkapan dan dakwaan dibawah enakmen baru perkara 25(l) Irtiddad atau Murtad dan dihukum dibawah perkara 26(l).

4.2.4 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (HEAI) 1986

Enakmen yang dikemukakan di bawah ini adalah merupakan enakmen yang diterima pakai di bawah HEAI 1986 bagi pendakwaan yang dibuat terhadap Ayah Pin di bawah enakmen Undang-undang Terengganu 1986 bil 12 Seksyen 208 dan 209 yang berkaitan dengan kesalahan penyelewengan akidah.

Antara Enakmen Pentadbiran HEAI 1986 yang berkaitan dengan penyelewengan akidah ialah:

1. Melainkan dengan kelulusan Majlis, sesiapa yang telah disabitkan oleh Jawatankuasa Fatwa, mengajar ilmu salah tidak boleh mengajar atau menghuraikan atau menerangkan sesuatu perkara yang berkaitan dengan agama Islam walaupun di kediaman sendiri.
2. Barang siapa yang melanggar subseksyen tersebut adalah melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi seribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
3. Barang siapa yang mengembangkan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganut agama Islam tanpa kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya adalah melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
4. Tidaklah boleh sesiapa memberi syarahan dalam apa bentuk sekalipun di dalam mana-mana masjid dengan tiada terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis, sama ada secara am atau khas daripada Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.
5. Barang sesiapa mengajar atau menghuraikan kepada sesiapa atau mengedar di mana-mana tempat ajaran atau menjalankan sesuatu adat istiadat atau perbuatan yang bertentangan dengan hukum-hukum Syarak adalah melakukan suatu

kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

6. Tidaklah boleh sesiapa kecuali Majlis atau Mufti, sama ada dengan secara lisan atau tulisan membuat dan mengeluarkan apa-apa fatwa mengenai agama Islam atau hukum Syarak atau menuduh seseorang yang menganut agama Islam sebagai murtad, syirik atau kafir.
7. Tidaklah boleh sesiapa kecuali Hakim Syarie, memutuskan seseorang yang menganut agama Islam sebagai murtad, syirik atau kafir.
8. Barang siapa yang melakukan kesalahan di atas, adalah melakukan kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.²⁶
9. Barang siapa sama ada dengan cara lisan atau tulisan atau perbuatan dengan cara apa sekalipun, membuat hina atau menyebabkan dihina, terhadap ayat-ayat suci al-Quran atau Hadis atau sebarang perkataan atau ayat dipandang suci oleh orang Islam adalah melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

²⁶ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwah Agama Islam 1986, hal. 325.

10. Barang siapa sama ada secara lisan atau tulisan atau perbuatan atau dengan apa cara sekalipun, membuat hina terhadap agama Islam atau perjalanan mana-mana dari satu mazhab yang empat, atau mana-mana pegangan agama atau guru agama atau imam yang bertauliah atau mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah di bawah Enakmen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

11. Barang siapa menghasut atau memujuk mana-mana orang Islam supaya tidak menghadiri masjid atau tidak menghadiri pengajaran agama Islam atau tidak membayar zakat atau fitrah atau tidak membayar bayaran yang berlangsung ke atasnya di bawah Enakmen ini atau tidak melakukan sebarang yang wajib dibawahnya adalah melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.²⁷

4.2.5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu, Pindaan Julai 2002M / 1423H

Pindaan Enakmen kesalahan Jenayah Syariah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu telah sedikit sebanyak ‘mengikat’ Ayah Pin kerana sebelum ini pihak JHEAT

²⁷ *Ibid.*, hal. 328.

telah membuat satu janji bersama beliau di mana beliau akan didakwa semula sekiranya cuba untuk menghidupkan kembali ajarannya. Ternyata langkah JHEAT ini adalah merupakan satu langkah yang bijak kerana dalam pindaan ini, ia merupakan satu kenyataan yang tepat berkaitan dengan Seksyen 208 dan 209 enakmen 1986 di mana kedua-dua seksyen ini telah diletakkan di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud & Qisas) Terengganu Pindaan Julai 2002M/1423H.

Perkara ini sama sekali telah menghalang sama ada orang awam atau Ayah Pin daripada cuba untuk menghidup, menggerak atau mempraktik mana-mana bentuk ajaran salah di Terengganu. Penggubalan Enakmen Kesalahan Jenayah dibicarakan secara khusus seperti dibawah.

Bahagian V11 – Irtidad atau Riddah

Firman Allah s.w.t.

وَمَن يَرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنِ الدِّينِ فَإِمْتُ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولَئِكَ
خَيْطَ أَعْمَلُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ
فِيهَا خَلِيلُونَ

Maksudnya: “Dan sesiapa diantara kamu yang murtad (berpaling tada) dari agamanya (Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang yang demikian rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

(Surah al-Baqarah, 2:217)

4.2.5.1 Irtidad atau Murtad

Perkara 25(1): Irtidad ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebut oleh seseorang Islam yang mukallaf yang mana perkataan atau perbuatan itu mengikut hukum Syarak adalah merosakkan atau berlawanan dengan akidah agama Islam:

Dengan syarat bahawa perbuatan itu dilakukan atau perkataan itu disebut dengan niat, dengan sukarela dan dengan pengetahuan, dan tanpa apa-apa paksaan oleh sesiapa atau oleh keadaan.²⁸

Perkara 25(2): Perbuatan-perbuatan yang menjelaskan akidah itu ialah perbuatan-perbuatan atau perkara-perkara mengenai atau bersabit dengan perkara-perkara asas yang dianggap mesti diketahui dan dipercayai oleh tiap-tiap orang Islam sebagai pengetahuan am sebagai seorang Islam seperti perkara-perkara mengenai Rukun Islam, Rukun Iman dan lain-lain perkara yang secara umumnya diketahui oleh orang Islam.²⁹

4.2.5.2 Hukuman Kesalahan Irtidad atau Riddah³⁰

Perkara 26(1): Sesiapa yang disabit melakukan kesalahan irtidad hendaklah sebelum dijatuhkan hukuman ke atasnya dikehendaki oleh mahkamah supaya bertaubat dalam tempoh yang tidak kurang daripada tiga hari setelah didapati bersalah.

²⁸ Warta Kerajaan Negeri Terengganu, jil. 55, bil. 13, hal. 211.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Lihat Lampiran F..

Perkara 26(2): Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka mahkamah hendaklah mengisyiharkan hukuman bunuh ke atasnya dan memerintahkan supaya hartanya sama ada diperolehi sebelum atau selepas dia melakukan kesalahan itu dirampas dan dipegang oleh Baitulmal:

Dengan syarat bahawa sekiranya dia bertaubat sama ada sebelum dijatuhkan hukuman bunuh ke atasnya atau selepas dijatuhkan hukuman itu ke atasnya tetapi sebelum dijalankan hukuman itu, maka hendaklah dia terlepas daripada hukuman bunuh dan hartanya yang dihukum rampas hendaklah dipulangkan kepadanya:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dia hendaklah dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.³¹

Qanun jenayah syariah telah diistilahkan oleh fuqaha' sebagai qanun atau syariah, ialah perundangan Islam atau perundangan Syarak, Enakmen ini ialah Enakmen Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Terengganu yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu pada Julai 2002 adalah satu daripada contohnya. Ia adalah undang-undang Syarak yang bersabit dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh seseorang di bawah hukum hudud, qisas, takzir dan diyat.³²

31 Ibid

32 YB. Hj. Abu Bakar Abdullah, Ahli Exco Kerajaan Negeri Terengganu

Pindaan terhadap Enakmen 1986 dilakukan sebagai satu tuntutan dalam pelaksanaan undang-undang Islam di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Terengganu serta bagi merealisasi dan memperkemaskan lagi sistem pemerintahan kerajaan negeri selaras slogan *Membangun Menurut Islam*.³³

4.2.6 Kekangan JHEAT Dalam Membanteras Ajaran Salah

Pihak JHEAT berdepan dengan pelbagai masalah dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka bagi membanteras gejala di atas. Antaranya ialah:

4.2.6.1 Masalah Kewangan

Untuk melaksanakan program-program ceramah serta pemulihan semula misalnya pihak JHEAT memerlukan sumber kewangan yang banyak. Namun begitu, sumber kewangan yang diperuntukkan tidak mencukupi sepenuhnya. Kadangkala JHEAT terpaksa mengadakan sesuatu program berbayar bagi menampung kewangan mereka tetapi amatlah mendukacitakan kerana sambutan tidak menggalakkan dari orang ramai berbanding jika sesuatu program itu diadakan secara percuma.³⁴

³³ *Ibid*

³⁴ Suara JHEAT 2002, bil. 11, hal. 5.

4.2.6.2 Kekurangan Kakitangan

Kekurangan kakitangan di dalam jabatan menimbulkan ketidakcekapan dalam pelaksanaan sesuatu program di mana sesuatu program itu tidak akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pihak pentadbiran telah membawa perkara ini kepada pihak berkuasa. Masalah ini telah dapat diatasi dengan penempatan beberapa orang kakitangan baru bagi membantu melicinkan perjalanan pentadbiran organisasi.³⁵

4.2.6.3 Kekurangan Pegawai Profesional

Kekurangan ini amat dirasakan khususnya di dalam bidang penulisan, penerbitan dan kaunseling. Akibat daripada itu, bahan-bahan yang bercetak berkaitan dengan soal-soal keruntuhan akhlak, penyelewengan akidah, berita-berita semasa organisasi tidak dapat disebarluaskan dengan cepat kepada orang ramai. Seorang kaunselor yang khusus juga masih belum diterima bertujuan untuk memberi panduan dan pedoman kepada individu yang menghadapi masalah supaya pihak JHEAT tidak perlu lagi merujuk kepada pegawai dari JAKIM untuk menyelesaikannya.³⁶

³⁵ *Ibid.*

³⁶ Temu bual bersama Ustaz Abd. Ghani Ab. Rahman.

4.2.6.4 Kekaburan Laporan

Setiap maklumat yang diperolehi daripada orang ramai kadangkala tidak begitu jelas dan tepat. Ini menyukarkan lagi pihak JHEAT untuk mengatur strategi bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya berkaitan dengan ajaran salah.³⁷

4.2.6.5 Kurang Kerjasama Daripada Pengikut (Khususnya Ajaran Ayah Pin)

Setiap ahli boleh dikatakan enggan memberi kerjasama kepada pihak JHEAT dalam mengendalikan kes mereka. Mereka lebih banyak berdiam diri apabila dikemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan ajaran ini dan juga jika soalan itu berkaitan dengan Ayah Pin. Jawapan yang keluar dari mulut mereka hanyalah “tidak tahu.”³⁸

4.3 KEBERKESANAN DAN PENILAIAN

Dalam membincangkan tajuk disertasi yang telah dipilih oleh penulis iaitu Penilaian Tentang Keberkesanan JHEAT Dalam Menangani Masalah Ajaran Salah, penulis telah mencuba dengan bersungguh-sungguh di atas segala daya usaha sendiri untuk memastikan kajian yang dibuat ini akan mendatangkan faedah kepada diri penulis sendiri mahupun orang

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*

lain apatah lagi kajian yang dilakukan ini melibatkan soal akidah manusia dengan Allah s.w.t. Penulis juga berharap agar kita semua umat Islam sentiasa berwaspada terhadap wadah perjuangan yang dibawa oleh orang yang jahil ilmu agamanya yang bertujuan semata-mata untuk mencapai kepuasaan nafsu jahat mereka dengan bertopengkan ajaran agama.

Dalam bab ini penulis akan membincangkan secara ringkas berkenaan dengan penilaian penulis terhadap keberkesanan tindakan JHEAT dalam menangani masalah ajaran salah di Negeri Terengganu serta kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh organisasi tersebut. Dalam membuat penilaian ini, berbagai-bagai model penilaian dan pendekatan telah dikembangkan untuk menjadi panduan dalam melaksanakan penilaian sesuatu program. Antara model penilaian yang terdapat ialah model Portrayal, Adversary, Utilization, CIPP dan lain-lain lagi.³⁹ Model ini diertikan juga sebagai gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara berbagai-bagai elemen yang terlibat dalam aktiviti tersebut.⁴⁰

Di dalam penyelidikan yang dibuat ini, penulis telah menggunakan model penilaian CIPP (Context, Input, Proses, Product) yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam dan diperkemaskan lagi oleh Stufflebeam dan Shinkfeild. Model ini juga dikenali sebagai model pembuat keputusan. Model CIPP itu dibina dengan harapan

39 Jamil Bin Ahmad (2002), *Pemupukan Budaya, Penyelidikan Di Kalangan Guru Di Sekolah: Satu Penilaian*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hal. 13.

40 Razali Arof (1991), *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., hal. 57-61.

maklumat-maklumat yang diperolehi daripada proses penilaian adalah berguna kepada pembuat keputusan.

Untuk itu Stufflebeam dan Shinkfield⁴¹ telah memperkemas dan memperluaskan takrifan penilaian. Menurut mereka:

Penilaian adalah proses mengumpul, memperolehi dan membekalkan maklumat secara diskriptif tentang kaedah sesuatu objek dari segi matlamat reka bentuk, pelaksana dan impaknya agar dapat membimbing dalam membuat keputusan bagi memenuhi kehendak untuk akauntabiliti dalam meningkatkan kefahaman keatas fenomena berkaitan.

Penyelidikan ini memberikan tumpuan terhadap dua daripada empat komponen dalam model penilaian CIPP iaitu penilaian proses dan produk. Penilaian proses tertumpu kepada proses atau aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam mencapai matlamat objektif projek. Penilaian proses yang terlibat dalam usaha untuk menangani masalah ajaran salah oleh JHEAT di Negeri Terengganu ialah :

- Mendapatkan maklumat daripada orang ramai (masyarakat setempat).
- Mendapatkan sebanyak mana maklumat dari dokumen rasmi kumpulan tersebut.
- Melakukan siasatan di tempat kumpulan itu beroperasi.


⁴¹ Stufflebeam, D.L. & Shinkfield A.J. (1985), *Systematic Evaluation: A Self Instruction Guide to Theory and Practise*. Boston: Kluwer-Nijhoff Publishing, hal. 159.

- Melakukan intipan secara rahsia.
- Menyelidiki latar belakang ketua kumpulan tersebut.
- Membuat rumusan dan fatwa.
- Menjatuhkan hukuman.
- Menyediakan program pemulihan khas selepas dibanteras. (untuk ketua dan juga bekas pengikut).

Penilaian produk pula adalah tertumpu kepada pencapaian matlamat untuk melihat perubahan-perubahan yang pasti akan meninggalkan kesan yang terbaik ke atas segala usaha yang telah dilakukan oleh JHEAT bagi mencegah kegiatan ajaran salah ini daripada terus bergerak.

Rasional pemilihan penilaian proses dan produk dapat memberikan maklumat yang penting dan berguna dalam merancang pelan tindakan dalam menstrukturkan semula program JHEAT adalah berdasarkan kepada pandangan Hawe.⁴² Aspek-aspek yang diberi tumpuan dalam penilaian setiap komponen proses dan produk adalah seperti dalam kerangka konsep kajian berikut.

⁴² Hawe, P. (1989), *The Last Thing You Should Look At Is Program Effectiveness: Health Care Evaluation In Australia* (Report Of The National Health Care Evaluation Workshop, 27 - 28 July 1989), Canberra: Public Health Association, hal. 2.



Kesimpulan kepada kajian penilaian ini, penulis mendapati secara keseluruhannya, langkah-langkah yang telah diambil oleh JHEAT dalam usaha menangani masalah ajaran salah di Negeri Terengganu telah berjaya mencapai matlamatnya, sekaligus dapat

melumpuhkan kegiatan ajaran salah yang terdapat di negeri itu dari terus merebak. Ini telah pun dibuktikan melalui usaha-usaha yang bersungguh dan berterusan yang telah dilakukan oleh pihak JHEAT.

Usaha mereka telah berjaya membawa hasil apabila bekas pengikut menunjukkan sikap yang positif terhadap masyarakat dan diterima dengan baik pula oleh masyarakat setempat. Justeru itu, keberkesanan program yang telah dilaksanakan oleh JHEAT serta kerjasama yang diberikan oleh pihak JAKIM dan juga orang ramai merupakan aspek yang cukup penting dalam menggerakkan sesuatu pelaksanaan kerja berkumpulan bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan kepada program yang dirancang.

Kajian ini juga mendapati bahawa, penyegeraan atau '*segera bertindak*' seperti yang diterangkan oleh Ustaz Abd. Ghani, yang merupakan tulang belakang kepada pelan tindakan telah menjadi faktor utama kepada keberkesanan tindakan JHEAT. Kecekapan dan kepantasan pegawai-pegawai JHEAT bertindak untuk membendung masalah ini tanpa memikirkan risiko terhadap individu juga menjadi salah satu faktor pendorong kepada keberkesanan dalam tindakan mereka untuk menghapuskan risalah ajaran salah ini.

Penulis juga dapat membuat penilaian terhadap keberkesanan melalui Program Syahadah untuk pengikut-pengikut Ajaran Ayah Pin. Ini memandangkan mereka telah melahirkan keinsafan ketika menghadiri majlis tersebut dan kembali mengucap Dua Kalimah Syahadah bersaksikan pegawai-pegawai dari JHEAT. Sehubungan dengan itu mereka juga terus menerus mengikuti setiap program kerohanian yang dianjurkan oleh JHEAT.


Penilaian penulis juga turut mengambil kira dengan adanya pindaan Enakmen 1986 di bawah Seksyen 208 dan 209 kepada penggubalan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) pindaan Julai 2002M telah memainkan peranannya dalam usaha membantu tindakan pihak JHEAT bagi menggunakan pakai untuk membuat sebarang dakwaan terhadap mana-mana pihak yang cuba menghidup atau menggerakkan ajaran-ajaran salah di Negeri Terengganu.

4.4 DAPATAN DATA DARIPADA RESPONDEN YANG DITEMUI TERHADAP AJARAN AYAH PIN

4.4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN


Penulis telah mengedarkan borang kaji selidik sebanyak 200 set dan hanya mendapat sebanyak 200 set dan hanya mendapat sebanyak 135 set borang sahaja. Borang-borang ini telah diedarkan kepada penduduk kampung berhampiran serta kepada bekas-bekas pengikut Ayah Pin. Jawapan yang diberi oleh responden ini boleh dianggap mewakili keseluruhan penduduk di kawasan kampung berkenaan dan juga bagi semua bekas-bekas pengikut ajaran tersebut. Dalam bahagian ini dipaparkan butir-butir peribadi responden berdasarkan jawapan yang diberikan dalam borang kaji selidik. Sila lihat lampiran.

4.4.1.1 Rajah Taburan Responden Mengikut Usia



Taburan responden mengikut usia adalah seperti berikut: seramai 7 orang (10.3%) berusia 20 tahun ke bawah, 33 orang (48.9%) berusia antara 21 hingga 30 tahun, 49 orang (72.5%) berusia antara 31 hingga 40 tahun, 42 orang (62.2%) berusia antara 41 - 50 tahun dan 14 orang (20.7%) berusia 51 tahun ke atas. Responden yang berusia antara 31 hingga 40 tahun merupakan golongan teramai yang memberi respon berbanding dengan responden yang berusia 20 tahun ke bawah dan 51 tahun ke atas. Perbezaan usia di kalangan mereka menampakkan kesan ke atas pengetahuan semula jadi terhadap ajaran Ayah Pin kepada penduduk setempat.

4.4.1.2 Rajah Taburan Responden Mengikut Jantina




Taburan responden mengikut jantina ialah seramai 90 orang (67.4%) terdiri dari kaum wanita dan 45 orang (32.6%) terdiri dari kaum lelaki. Bilangan kaum wanita lebih ramai memberi respon berbanding dengan kaum lelaki kerana pada masa edaran dibuatbilangan wanita yang lebih ramai berada di rumah. Faktor perbezaan jantina ini boleh mempengaruhi pengetahuan (respon) terhadap ajaran Ayah Pin.

4.4.1.3 Rajah Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan




Taburan responden mengikut status perkahwinan ialah seramai 89 orang (65.9%) telah berkahwin dan 46 orang (34.1%) masih bujang. Tahap kematangan pemikiran diantara responden yang telah berkahwin dan belum berkahwin adalah berbeza. Justeru itu, perbezaan status ini akan mempengaruhi cara pemahaman mereka terhadap konsep pengajaran Ayah Pin.

4.4.1.4 Rajah Taburan Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan



Taburan responden mengikut tahap pendidikan ialah seramai 39 orang (28.9%) berkelulusan SRP. 33 orang (24.4%) berkelulusan sekolah rendah. 29 orang (21.9%) tidak bersekolah. 24 orang berkelulusan SPM dan 10 orang (7.4%) lain-lain. Perbezaan tahap pendidikan memberi kesan kepada jumlah pengikut ajaran Ayah Pin.

4.4.1.5 Rajah Taburan Responden Berdasarkan Pekerjaan



Taburan pekerjaan bagi responden adalah seperti berikut. Seramai 40 orang (29.6%) adalah petani. Seramai 37 orang (27.4%) adalah suri rumah. Seramai 33 orang bermiaga. Seramai 19 orang (14.1%) adalah pesara dan seramai 6 orang (4.4%) adalah lain-lain.

4.4.2 DAPATAN DATA KHUSUS DARIPADA PENGIKUT AYAH PIN

Seterusnya dilaporkan mengenai dapatan data yang khusus penulis tujuhan kepada pengikut-pengikut Ayah Pin dengan merujuk kepada bahagian soalan 6 - 10 dalam borang kaji selidik. Di bawah ini adalah jaduan perangkaan pengikut ajaran Ayah Pin mengikut jantina dan umur berdasarkan kepada respon dari pengikut.

JANTINA	UMUR	BILANGAN	PERATUS (%)
Lelaki	55 - 70 tahun	10 orang	17.24 %
	30 - 49 tahun	9 orang	15.51 %
	13 - 29 tahun	16 orang	27.58 %
Perempuan	50 - 70 tahun	3 orang	5.17 %
	30 - 49 tahun	12 orang	20.68 %
	15 - 29 tahun	8 orang	13.79 %

4.4.2.1. Jadual Jangkamasa Mengikut Pengajian

No	Masa	Jumlah	Peratus
1	Kurang dari 2 tahun	15 orang	25.9 %
2	2 - 5 tahun	10 orang	17.2 %
3	lebih dari 5 tahun	33 orang	56.9 %

Seramai 15 orang (25.9 %) yang ditemui mengatakan mereka telah mengikuti pengajian di sini kurang dari 2 tahun, 10 orang (17.2 %) 2 - 5 tahun dan 33 orang (56.9%) lebih dari 5 tahun. Bagi pengikut setia yang mana ada di kalangan mereka telah kenal dengan Ayah Pin sejak tahun 1986 lagi. (Rujuk lampiran B)

4.4.2.2 Bidang Pengajian Yang Dipelajari Dan Diminati

Bil.	Bidang	Jumlah	%
1	Akidah dan Tauhid	25	43.1
2	Tassawuf	18	31.0
3	Feeqah	5	0.7
4	Hadis dan Tafsir	10	17.2

Hasil dari kajian mengatakan bahawa 25 orang (43.1%) berminat dalam bidang akidah dan tauhid, 18 orang (31.0%) dalam bidang Tassawuf, 5 orang (0.79%) dalam bidang feeqah dan 10 orang (17.2%) meminati bidang pengajian hadis dan tafsir.

4.4.3 FAKTOR PENARIK


4.4.3.1 Faktor Menarik Minat Belajar

Bil.	Faktor	Jumlah	%
1	Keperibadian dan ketokohan gurunya yang dikagumi	10	17.2
2	Terpengaruh kerana ramai orang yang mengikuti kuliah di sini	28	48.3
3	Corak pengajian yang berlainan dari tempat lain	8	13.7
4	Kerana kesedaran untuk mendalami ilmu agama	7	12.06
5	Tempat pengajian berdekatan rumah	5	8.6

Seramai 28 orang (48.3%) telah mengatakan bahawa faktor mereka terpengaruh dengan orang ramai menyebabkan mereka datang belajar di sini. 10 orang (17.2%) mengatakan tertarik dengan keperibadian gurunya. 8 orang (13.7%) mengatakan tertarik dengan corak pengajian yang berlainan dari tempat-tempat lain. 7 orang (12.06%) memberikan faktor kesedaran untuk mendalami bidang agama menyebabkan mereka belajar di sini, dan 5 orang (8.6%) memberikan sebab tempat pengajian berdekatan dengan rumah menjadi pendorong kepada mereka untuk belajar dengan ajaran ini.

4.4.4 PENGETAHUAN RESPONDEN


4.4.4.1 Dapatan Keseluruhan Responden Tentang Ajaran Ayah Pin



Berdasarkan dapatan dari kajian di atas, seramai 58 orang (100 %) telah memberi jawapan yang sama berkaitan dengan soalan 1-3 iaitu , meryatakan jawapan tidak pasti pada soalan satu, dengan member jawapan kepada perkara-perkara ketuhanan. pada soalan kedua dan ketiga mereka juga mengatakan bahawa Ayah pin lah yang menjadi pemimpin sebenar merka. 40 orang (68.96 %) telah mengatakan kefahaman mereka tentang konsep syahadah Ayah pin, manakala 18 orang (31.04 %) memberi jawapan tidak pasti bagi menjawab soalan empat. 58 orang (100%) telah memberi jawapan yang sama kepada soalan lima,enam,tujuh,lapan serta sembilan(lihat lampiran)

4.4.5 USAHA-USAHA JHEAT

4.4.5.1 Usaha-usaha JHEAT Dalam Menangani Ajaran Ayah Pin



Seramai 58 orang (100%) responden telah mengatakan sangat bersetuju untuk jawapan kepada soalan satu dan dua. 38 orang (65.5%) telah memberikan jawapan setuju untuk soalan tiga. Bagi soalan empat pula 58 orang (100%) telah mengatakan sangat setuju, manakala seramai 29 orang (50%) telah memberikan respon tidak pasti untuk soalan tujuh dan seramai 22 orang telah mengatkan tidak bersetuju dengan soalan lapan.(Rujuk Lampiran)

Kesimpulannya, hasil dari data-data yang diperolehi ini telah menunjukkan bahawa kebanyakkan pengikut-pengikut Ayah Pin terdiri daripada mereka yang rendah tahap pendidikannya. Mereka yang menjadi pengikut kepada ajaran ini juga mengatakan bahawa pengaruh rakan-rakanlah yang telah mengheret mereka kedalam kancang kesesatan dan tidak lupa mereka menyatakan rasa syukur kerana usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JHEAT telah membawa mereka semula ke jalan yang benar.